



VITAGEN “Raikan Malaysia Menang Bersama Contest 2026” TERMS & CONDITIONS

1. ORGANISER AND CAMPAIGN / PENGANJUR DAN KEMPEN

EN: The "Peraduan Raikan Malaysia, Menang Bersama VITAGEN" campaign ("Campaign"), is organised by VITAGEN / Cotra Enterprises Sdn. Bhd. ("Organiser"). The Campaign is conducted through a dedicated Campaign website, with all Campaign interactions completed through secure Campaign web pages, operating in Bahasa Malaysia.

BM: Kempen "Peraduan Raikan Malaysia, Menang Bersama VITAGEN" ("Kempen"), dianjurkan oleh VITAGEN / Cotra Enterprises Sdn. Bhd. ("Penganjur"). Kempen ini dijalankan sepenuhnya melalui laman web Kempen yang khusus, beroperasi dalam Bahasa Malaysia.

2. CAMPAIGN PERIOD / TEMPOH KEMPEN

EN: The Campaign runs from 5 September 2026 to 17 October 2026 (both dates inclusive, 43 days), Malaysia time. Entries submitted outside this window do not qualify. In the event that all Instant Prizes are fully redeemed before the end of the Campaign Period, the Campaign shall end immediately and no further submissions will be accepted, regardless of the Campaign end date stated in Clause 8.

BM: Kempen ini berlangsung dari 5 September 2026 hingga 17 Oktober 2026 (kedua-dua tarikh termasuk, 43 hari), waktu Malaysia. Penyertaan yang dihantar di luar tempoh ini tidak layak. Sekiranya semua Hadiah Serta-Merta telah ditebus sepenuhnya sebelum tamat Tempoh Kempen, Kempen akan

tamat serta-merta dan tiada penyertaan selanjutnya akan diterima, tanpa mengira tarikh tamat Kempen yang dinyatakan dalam Klausa 8.

3. ELIGIBILITY / KELAYAKAN

EN: The Campaign is open to residents of Malaysia, including Sabah and Sarawak. Participants below the age of eighteen (18) may participate only with the consent of their parent or legal guardian. Employees of the Organiser and its appointed agencies (including NOVAE Works and Hearts), as well as their immediate family members, are not eligible to participate in the Campaign.

BM: Kempen ini terbuka kepada penduduk Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Peserta yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun hanya boleh menyertai Kempen ini dengan persetujuan ibu bapa atau penjaga yang sah. Kakitangan Penganjur dan agensi-agensi yang dilantik (termasuk NOVAE Works and Hearts), serta ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

4. HOW TO PARTICIPATE / KAEDAH PENYERTAAN

EN: Participation follows the steps below:

1. Buy

Purchase any VITAGEN product(s) with a minimum spend of RM20.00 in a single receipt to participate in the Campaign. Every RM20.00 spent entitles the participant to one (1) Shake, capped at a maximum of five (5) Shakes per receipt. Each participant may submit a maximum of two (2) receipts per day.

2. Register

Scan the Campaign QR code or access the Campaign via the Campaign website, then register by providing your full name, email address, valid mobile number and identification number.

3. Upload Receipt

Upload the purchase receipt via the Campaign website. The system will automatically read and validate the receipt, including the eligible product(s), participating outlet, Campaign period and minimum purchase requirement.

4. Answer Product Question

Answer one (1) True/False product-related question via the Campaign website.

5. Shake & Reveal Experience

Then, shake your phone or press the "Shake" button to reveal the prize outcome. Once completed, the instant prizes will be displayed on the Campaign website.

6. Instant Prize Notification

The Instant prizes of the TnG e-wallet credit PIN will be stated and can be downloaded for your safe keeping.

7. Automatic Grand Prize Entry

Every successful and eligible entry will be automatically entered into the Grand Prize draw. No additional action is required.

8. Grand Prize Draw & Winner Verification

After the Campaign closes, Grand Prize winners will be selected from all qualifying entries through a draw conducted in the presence of the appointed auditor, the Organiser, the agency and the vendor. The draw will take place within seven (7) working days after the Campaign closes. Winners will be announced within ten (10) working days after the draw. Grand Prize winners are subject to IC verification and required to provide the original physical proof of purchase before the prize is released.

BM: Penyertaan adalah mengikut langkah-langkah berikut:

1. Beli

Beli mana-mana produk VITAGEN dengan pembelian minimum RM20.00 dalam satu resit untuk menyertai kempen. Setiap resit dengan pembelian minimum RM20.00 melayakkan peserta mendapat satu (1) peluang Shake, terhad kepada maksimum lima (5) peluang Shake bagi setiap resit. Setiap peserta boleh menghantar maksimum dua (2) resit sehari.

2. Daftar

Imbas kod QR Kempen atau akses melalui laman web Kempen, kemudian daftar dengan memberikan nama penuh, alamat e-mel, nombor telefon bimbit yang sah dan nombor kad pengenalan.

3. Muat Naik Resit

Muat naik resit pembelian melalui laman web Kempen. Sistem akan membaca dan mengesahkan resit secara automatik, termasuk produk yang layak, premis yang mengambil bahagian, tempoh Kempen dan syarat pembelian minimum.

4. Jawab Soalan Produk

Jawab satu (1) soalan Betul/Salah berkaitan produk melalui laman web Kempen.

5. Pengalaman Shake & Reveal

Kemudian, goncang telefon atau tekan butang "Shake" untuk mendedahkan keputusan hadiah. Setelah selesai, keputusan akan dipaparkan di laman web Kempen.

6. Pemberitahuan Hadiah Segera

Hadiah segera berupa **PIN kredit TnG e-Wallet** akan dipaparkan dan sedia untuk dimuat turun bagi rujukan anda kemudian.

7. Penyertaan Automatik Cabutan Hadiah Utama

Setiap penyertaan yang berjaya dan memenuhi syarat akan dimasukkan secara automatik ke dalam cabutan Hadiah Utama. Tiada tindakan lanjut diperlukan.

8. Cabutan Hadiah Utama & Pengesahan Pemenang

Selepas Kempen tamat, pemenang Hadiah Utama akan dipilih daripada semua penyertaan yang layak melalui proses cabutan yang dijalankan di hadapan juruaudit yang dilantik, pasukan pemasaran Penganjur, agensi dan vendor. Cabutan akan dijalankan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas

Kempen tamat. Pemenang akan diumumkan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas cabutan dijalankan. Pemenang Hadiah Utama tertakluk kepada pengesahan Kad Pengenalan (KP) dan dikehendaki mengemukakan bukti pembelian fizikal yang asal sebelum hadiah diserahkan.

5. SPEND, SHAKES AND ENTRY LIMITS / PERBELANJAAN, SHAKE DAN HAD PENYERTAAN

EN: Minimum spend is RM20.00 per receipt. Every RM20.00 spent in a single receipt entitles the participant to one (1) Shake, capped at a maximum of five (5) Shakes per receipt. Each participant may submit a maximum of two (2) receipts per day. Each receipt can be used once only. Duplicate or manipulated receipts are void.

BM: Pembelian minimum adalah RM20.00 bagi setiap resit. Setiap RM20.00 dibelanjakan dalam satu resit melayakkan peserta mendapat satu (1) peluang Shake, terhad kepada maksimum lima (5) peluang Shake bagi setiap resit. Setiap peserta boleh menghantar maksimum dua (2) resit sehari. Setiap resit hanya boleh digunakan sekali sahaja. Resit pendua atau yang diubah suai akan dibatalkan.

6. ACCEPTED RECEIPT SOURCES / SUMBER RESIT YANG DITERIMA

EN: Receipts from VITAGEN's official campaign partners are accepted, including chain hypermarkets and supermarkets, chain minimarkets, convenience stores and e-commerce platforms. Receipts from wholesalers, distributors, canteen operators, provision stores and independent minimarkets are not accepted. Handwritten receipts are also not accepted.

BM: Resit daripada rakan kongsi rasmi Kempen VITAGEN diterima, termasuk pasar raya besar dan pasar raya berangkai, pasar mini berangkai, kedai serbaneka dan platform e-dagang. Resit daripada pemborong, pengedar, pengendali kantin, kedai runcit dan pasar mini bebas tidak diterima. Resit bertulis tangan juga tidak diterima.

7. QUALIFYING QUESTION / SOALAN KELAYAKAN

EN: Each valid receipt will be served one (1) True/ False question. Participants who answer correctly will proceed to the next step of the Campaign journey. An incorrect answer will disqualify that receipt, and no retry will be allowed for the same receipt. Participants may submit another valid receipt to participate again, subject to the daily entry limit.

BM: Setiap resit yang sah akan diberikan satu (1) soalan Betul/ Salah. Peserta yang menjawab dengan betul akan meneruskan ke langkah seterusnya dalam perjalanan Kempen. Jawapan yang salah akan membatalkan kelayakan resit tersebut, dan tiada percubaan semula dibenarkan untuk resit yang sama. Peserta boleh menghantar resit sah yang lain untuk menyertai semula, tertakluk kepada had penyertaan harian.

8. INSTANT PRIZES (LEVEL 1) / HADIAH SEGERA (TAHAP 1)

EN: The Instant Prize pool comprises a fixed total of 17,037 cash prizes worth RM63,888, in seven denominations ranging from RM1 to RM500, as set out in the Instant Prizes table below. The Shake feature reveals the Instant Prize allocated to each qualifying entry. Instant Prizes are awarded on a first-come, first-served basis while stocks last and will be issued as Touch 'n Go eWallet credit PINs through the Campaign website. Once all 17,037 Instant Prizes have been fully claimed, the Instant Prize

pool will be exhausted and the Campaign will end immediately. No further entries, shakes or Instant Prize claims will be accepted thereafter.

BM: Kumpulan Hadiah Serta-Merta terdiri daripada sejumlah tetap 17,037 hadiah wang tunai bernilai keseluruhan RM63,888, dalam tujuh denominasi antara RM1 hingga RM500, seperti yang dinyatakan dalam jadual Hadiah Serta-Merta di bawah. Ciri “Shake” hanya mendedahkan Hadiah Serta-Merta yang diperuntukkan bagi setiap penyertaan yang layak. Hadiah Serta-Merta diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat, selagi stok masih ada, dan akan diberikan dalam bentuk PIN kredit Touch ‘n Go eWallet melalui laman web Kempen. Setelah kesemua 17,037 Hadiah Serta-Merta telah dituntut sepenuhnya, kumpulan Hadiah Serta-Merta akan habis dan Kempen akan tamat serta-merta. Tiada penyertaan, “Shake” atau tuntutan Hadiah Serta-Merta selanjutnya akan diterima selepas itu.

INSTANT PRIZES TABLE

TnGo e-Wallet Credit / Jadual Hadiah Segera – Kredit TnGo e-wallet

 RM Denomination	 Qty	 Total RM
RM1	10,000	RM10,000.00
RM2	4,154	RM 8,308.00
RM5	2,010	RM10,050.00
RM10	553	RM 5,530.00
RM50	200	RM10,000.00
RM100	100	RM10,000.00
RM500	20	RM10,000.00
Level 1 total	17,037	RM63,888.00

9. GRAND PRIZE (LEVEL 2) / HADIAH UTAMA (TAHAP 2)

EN: There are five (5) Grand Prizes to be won, with each Grand Prize valued at RM5,000 in cash, totalling RM25,000. Grand Prizes will be paid by cheque and will not be issued via TnG e-Wallet credit. Every qualifying entry will automatically receive one (1) chance to be included in the Grand Prize draw; no separate submission or opt-in is required. Each participant is eligible to win a maximum of one (1) Grand Prize only throughout the Campaign.

The Grand Prize draw will be conducted after the Campaign closes. During the draw, five (5) main winners and five (5) backup winners will be selected in the same session. If any main winner is disqualified, unreachable, fails verification, fails to provide the required original proof of purchase or has already been selected as a Grand Prize winner, the backup winners will be contacted according to the sequence drawn.

The Grand Prize draw will take place within seven (7) working days after the Campaign closes. Winners will be announced on the Organiser's official channels within ten (10) working days after the draw. Grand Prize winners are subject to identity verification using their IC and must provide the original physical proof of purchase before the prize is released. Upon successful verification, the cheque must be collected in person at Cotra Enterprises' office.

BM: Terdapat lima (5) Hadiah Utama untuk dimenangi, dengan setiap Hadiah Utama bernilai RM5,000 tunai, berjumlah RM25,000. Hadiah Utama akan dibayar dalam bentuk cek dan tidak akan dikeluarkan melalui kredit TnG e-Wallet. Setiap penyertaan yang layak akan menerima satu (1) peluang secara automatik untuk disertakan dalam cabutan Hadiah Utama; tiada penyertaan atau pendaftaran berasingan diperlukan. Setiap peserta hanya layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama dalam Kempen ini.

Cabutan Hadiah Utama akan dijalankan selepas Kempen tamat. Semasa sesi cabutan, lima (5) pemenang utama dan lima (5) pemenang simpanan akan dipilih dalam sesi yang sama. Sekiranya mana-mana pemenang utama didapati tidak layak, gagal dihubungi, gagal dalam proses pengesahan, gagal mengemukakan bukti pembelian fizikal yang asal, atau telah dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama, pemenang simpanan akan dihubungi mengikut turutan cabutan.

Cabutan Hadiah Utama akan diadakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas Kempen tamat. Pemenang akan diumumkan di saluran rasmi Penganjur dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas cabutan dijalankan. Pemenang Hadiah Utama tertakluk kepada pengesahan identiti menggunakan kad pengenalan dan mesti mengemukakan bukti pembelian fizikal yang asal sebelum hadiah dikeluarkan. Selepas proses pengesahan berjaya diselesaikan, cek perlu dituntut sendiri di pejabat Cotra Enterprises.

Grand Prizes table / Jadual Hadiah Utama

 Cash Prizes	 Qty	 Total RM
RM5,000	5	RM25,000.00
 Grand Prize total	 5	 RM25,000.00

10. PROOF OF PURCHASE / BUKTI PEMBELIAN

EN: The Organiser reserves the right to request the original physical proof of purchase from any participant at any time for verification purposes.

For Instant Prizes, participants are required to provide the original receipt upon request. Failure to do so may result in the Organiser requesting the return of the prize.

For the Grand Prize, providing the original physical proof of purchase is mandatory before the prize can be released. Failure to provide the original receipt will result in disqualification.

BM: Penganjur berhak untuk meminta bukti pembelian fizikal yang asal daripada mana-mana peserta pada bila-bila masa bagi tujuan pengesahan.

Bagi Hadiah Segera, peserta dikehendaki mengemukakan resit asal apabila diminta. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Penganjur meminta pemulangan hadiah tersebut.

Bagi Hadiah Utama, pengemukakan bukti pembelian fizikal yang asal adalah wajib sebelum hadiah boleh diserahkan. Kegagalan mengemukakan resit asal akan mengakibatkan pembatalan kelayakan.

11.PRIZE FULFILMENT, VALIDITY AND SUBSTITUTION/ PENYEMPURNAAN HADIAH, KESAHIHAN DAN PENGANTIAN

EN: Instant Prizes, issued as TnG e-Wallet Credit PINs, will be displayed immediately for each winning Shake. Participants may download or copy the Instant Prize PIN for their own reference and safekeeping.

TnG e-wallet Credit PINs must be redeemed within seven (7) days from the date of issuance. Any TnG e-wallet Credit PINs that are not redeemed within this period will be forfeited. The Organiser shall not be responsible for any prize that cannot be delivered due to an incorrect, inactive or unreachable mobile number provided by the participant, or for any failure by the participant to redeem a validly issued prize.

Grand Prizes will be issued by cheque after the winner has successfully completed identity verification and provided the required original physical proof of purchase.

All prizes are non-transferable and cannot be sold, exchanged, assigned or transferred to any other person. The Organiser reserves the right to substitute any prize with another prize of equal or greater value at any time.

BM: Hadiah Segera yang dikeluarkan dalam bentuk PIN Kredit TnG e-Wallet, akan dipaparkan serta-merta bagi setiap Shake yang menang. Peserta boleh memuat turun atau salin PIN Hadiah Segera untuk rujukan dan simpanan sendiri.

PIN Kredit TnG e-wallet mesti ditebus dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dikeluarkan. Sebarang PIN Kredit TnG e-wallet yang tidak ditebus dalam tempoh tersebut akan dilucut hak. Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang hadiah yang tidak dapat dihantar disebabkan nombor telefon bimbit yang diberi oleh peserta adalah tidak aktif, tidak dapat dihubungi atau atas sebarang sebab kegagalan menghubungi peserta untuk menebus hadiah yang telah dikeluarkan dengan sah.

Hadiah Utama akan dikeluarkan melalui cek selepas pemenang berjaya melengkapkan proses pengesahan identiti dan mengemukakan bukti pembelian fizikal asal yang diperlukan.

Semua hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh dijual, ditukar, diserahkan atau dipindahkan kepada mana-mana orang lain. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama atau lebih nilainya pada bila-bila masa.

12.DATA PROTECTION (PDPA) / PERLINDUNGAN DATA (PDPA)

EN: Participation in the Campaign requires the participant's PDPA consent before any personal data is collected. The personal data collected for Campaign administration may include the participant's full name, email address, mobile number, IC number and receipt image. The IC number is collected for winner identity verification, duplicate-entry checks and fraud-prevention purposes.

Personal data collected for the Campaign will be retained for the duration of the Campaign and for an additional ninety (90) days thereafter, unless a longer retention period is required by law or for audit,

verification, dispute-resolution or prize-fulfilment purposes. Thereafter, the data will be deleted upon the Organiser's written request, subject to applicable legal and operational requirements.

BM: Penyertaan dalam Kempen ini memerlukan persetujuan PDPA daripada peserta sebelum sebarang data peribadi dikumpulkan. Data peribadi yang dikumpulkan bagi tujuan pentadbiran Kempen boleh merangkumi nama penuh peserta, alamat e-mel, nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan dan imej resit. Nombor kad pengenalan dikumpulkan bagi tujuan pengesahan identiti pemenang, semakan penyertaan berganda dan pencegahan penipuan.

Data peribadi yang dikumpulkan untuk Kempen ini akan disimpan sepanjang tempoh Kempen dan untuk tambahan sembilan puluh (90) hari selepas itu, melainkan tempoh penyimpanan yang lebih lama diperlukan oleh undang-undang atau bagi tujuan audit, pengesahan, penyelesaian pertikaian atau penyempurnaan hadiah. Selepas itu, data tersebut akan dipadamkan atas permintaan.

13.MARKETING CONSENT (OPTIONAL) / PERSETUJUAN PEMASARAN (PILIHAN)

EN: Participants may choose to opt in separately to receive marketing, promotional and product news communications from the Organiser. Marketing consent is optional and will be offered on an opt-in basis in the campaign flow. Participants are not required to opt in to marketing communications in order to participate in or win the Campaign.

Participants who have opted in may withdraw their consent for direct marketing at any time, in accordance with their rights under the Personal Data Protection Act 2010, including Section 43. Participants who wish to opt out may do so via the opt-out option on the Campaign website or by contacting Campaign customer service.

BM: Peserta boleh memilih secara berasingan untuk melanggan komunikasi pemasaran, promosi dan berita produk daripada Penganjur.

BM: Persetujuan pemasaran adalah pilihan dan akan ditawarkan atas dasar opt-in dalam aliran Kempen. Peserta tidak diwajibkan untuk memilih menerima komunikasi pemasaran bagi menyertai atau memenangi Kempen.

Peserta yang telah memberikan persetujuan pemasaran boleh menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa, selaras dengan hak mereka di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, termasuk Seksyen 43. Peserta yang ingin menarik diri boleh berbuat demikian melalui pilihan opt-out di laman web Kempen atau dengan menghubungi khidmat pelanggan Kempen.

14.FRAUD, DISQUALIFICATION AND ORGANISER'S RIGHTS / PENIPUAN, PEMBATALAN DAN HAK PENGANJUR

EN: The Organiser reserves the right to reject or disqualify any entry and/or participant and withhold or forfeit any prize if the Organiser reasonably determines that the entry or participant involves fraud, duplicate entries, false or misleading information, altered, duplicated, manipulated or invalid receipts, failure to provide the required proof of purchase under Clause 10, tampering with or manipulation of the Campaign mechanics or entry process, or any breach of these Terms and Conditions. The Organiser also reserves the right to amend, suspend, cancel or terminate the Campaign, in whole or in part,

where reasonably necessary due to circumstances beyond its reasonable control, subject to applicable laws and regulations.

BM: Penganjur berhak untuk menolak atau membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan dan/atau peserta serta menahan atau membatalkan mana-mana hadiah sekiranya Penganjur secara munasabah mendapati bahawa penyertaan atau peserta tersebut melibatkan penipuan, penyertaan berganda, maklumat palsu atau mengelirukan, resit yang diubah, diduplikasi, dimanipulasi atau tidak sah, kegagalan mengemukakan bukti pembelian yang diperlukan di bawah Klausula 10, gangguan atau manipulasi terhadap mekanisme Kempen atau proses penyertaan, atau sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini. Penganjur juga berhak untuk meminda, menggantung, membatalkan atau menamatkan Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, sekiranya perlu secara munasabah disebabkan oleh keadaan di luar kawalan munasabah Penganjur, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

15. LIMITATION OF LIABILITY AND INDEMNITY / HAD LIABILITI DAN TANGGUNG RUGI

EN: To the fullest extent permitted by applicable law, the Organiser, its related companies and appointed agencies shall not be liable for any loss, damage, injury, cost or expense suffered or incurred by any participant arising from or in connection with participation in the Campaign or the acceptance, redemption or use of any prize, except to the extent that such liability cannot lawfully be excluded or limited. The Organiser shall not be liable for any indirect, incidental or consequential loss arising from participation in the Campaign or the acceptance, redemption or use of any prize.

BM: Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang yang berkuat kuasa, Penganjur, syarikat berkaitannya dan agensi yang dilantik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah, kecuali setakat liabiliti tersebut tidak boleh dikecualikan atau dihadkan di sisi undang-undang. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian tidak langsung, sampingan atau berbangkit yang timbul daripada penyertaan dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.

16. TECHNICAL AND RECEIPT DISCLAIMERS / PENAFIAN TEKNIKAL DAN RESIT

EN: The Organiser shall not be responsible for any entry that is lost, delayed, incomplete, corrupted, misdirected or not received due to network, connectivity, telecommunications, device, website, system or other technical failures beyond its reasonable control. Receipts that are unclear, incomplete, illegible, altered, duplicated, manipulated, invalid or obtained from a source not accepted under Clause 6 may be rejected and the associated entry disqualified. The Organiser reserves the right to request the original receipt and/or any additional information or documentation reasonably required to verify an entry.

BM: Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana penyertaan yang hilang, lewat, tidak lengkap, rosak, tersalah hantar atau tidak diterima akibat kegagalan rangkaian, sambungan, telekomunikasi, peranti, laman web, sistem atau kegagalan teknikal lain di luar kawalan munasabah Penganjur. Resit yang tidak jelas, tidak lengkap, tidak dapat dibaca, diubah, diduplikasi, dimanipulasi,

tidak sah atau diperoleh daripada sumber yang tidak diterima di bawah Klausa 6 boleh ditolak dan penyertaan berkaitan boleh dibatalkan kelayakannya. Penganjur berhak meminta resit asal dan/atau sebarang maklumat atau dokumentasi tambahan yang diperlukan secara munasabah untuk mengesahkan sesuatu penyertaan.

17.ORGANISER'S DECISION / KEPUTUSAN PENGANJUR

EN: Subject to applicable law, the Organiser's decision on all matters relating to the Campaign, including eligibility, verification of entries and determination of winners, shall be final. The Organiser shall not be obliged to enter into any correspondence concerning its decisions.

BM: Tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, keputusan Penganjur mengenai semua perkara berkaitan Kempen, termasuk kelayakan, pengesahan penyertaan dan penentuan pemenang, adalah muktamad. Penganjur tidak berkewajipan untuk melayan sebarang surat-menyurat berhubung dengan keputusannya.

18.CONFLICT OF TERMS / PERCANGGAHAN TERMA

EN: In the event of any inconsistency or conflict between these Terms and Conditions and any Campaign advertising, publicity material, key visual, promotional communication or other Campaign-related material, these Terms and Conditions shall prevail. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia versions of these Terms and Conditions, the Bahasa Malaysia version shall prevail.

BM: Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana pengiklanan Kempen, bahan publisiti, visual utama, komunikasi promosi atau bahan lain yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Malaysia hendaklah diguna pakai.

19.GOVERNING LAW AND JURISDICTION / UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

EN: These Terms and Conditions shall be governed by and interpreted in accordance with the laws of Malaysia. Participants agree to submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia for any dispute arising from or in connection with the Campaign.

BM: Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia bagi sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini.

20.LANGUAGE / BAHASA

EN: These Terms and Conditions are issued in English and Bahasa Malaysia. In the event of any discrepancy, inconsistency or conflict between the two versions, the Bahasa Malaysia version shall prevail.

BM: Terma dan Syarat ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, ketidakselarasan atau konflik antara kedua-dua versi, versi Bahasa Malaysia hendaklah diguna pakai.

21.CUSTOMER SERVICE / KHIDMAT PELANGGAN

EN: For enquiries regarding the campaign, please contact the toll-free number at 1-800-88-5587. The customer service operating hours are Monday to Friday, from 9.00am to 5.00pm.

BM: Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen, sila hubungi talian bebas tol di 1-800-88-5587. Waktu operasi khidmat pelanggan adalah dari Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang.